

## **Kesan Penglibatan Pelajar Yang Aktif Dalam Kokurikulum Terhadap Pendapatan**

Mohd Saofiean Bachok  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
University Kebangsaan Malaysia  
Email:msaofiean@gmail.com

Hazrul Izuan Shahiri  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
University Kebangsaan Malaysia  
Email: hizuan@ukm.my

Azim Md Kasim  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
University Kebangsaan Malaysia  
Email: azimkasim@gmail.com

### **ABSTRAK**

Penglibatan siswazah dalam aktiviti di luar bilik darjah dan kokurikulum semasa mereka menuntut di Istitusi pengajian tinggi, dapat memberi kesan terhadap peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan zaman universiti. Objektif kajian ini, mengkaji sejauh mana penglibatan pelajar di universiti serta faktor-faktor lain yang membantu mereka mendapat pendapatan yang lebih baik oleh mereka selepas menamatkan pengajian mereka. Selain itu kajian juga tertumpu kepada pulangan pendidikan terhadap peluang pekerjaan kepada para pelajar. Hipotesis kajian menyatakan pelajar yang terlibat dalam aktiviti di universiti akan mendapat pendapatan yang lebih baik. Perbincangan berdasarkan data empirikal yang diperolehi melalui survei yang dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data kajian soalselidik yang dijalankan melibatkan pelbagai siswazah Institut Pengajian Tinggi Awam dan juga Swasta di Malaysia, Methodologi kajian menggunakan pendekatan Teori Persekolahan Mincer iaitu melihat perbezaan pendapatan dikalangan siswazah yang terlibat dengan aktiviti mahupun tidak. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan signifikan diantara penglibatan pelajar dengan peluang mendapat pekerjaan dikalangan siswazah, Pendapatan yang diperolehi oleh responden tidak menunjukkan perbezaan yang terlalu ketara dikalangan mereka, hal ini disebabkan kebanyakan mereka tidak mempunyai pengalaman bekerja dan pertama kali memasuki pasaran buruh. Selain itu, melalui kajian ini terdapat hubungan yang negatif diantara penglibatan pelajar dengan pendapatan yang diterima berlawanan dengan hipotesis.

Kata Kunci :Pulangan Pendidikan, Pelajar Aktif, Gaji, Teori Modal Manusia, Model Persekolahan Mincer

### **ABSTRACT**

*Student involvement in activities outside of the classroom and curriculum as they claim in the institutionalization of higher learning, can affect job opportunities after completing their university days. The objective of this study, examine the extent of student involvement in the university as well as other factors that help them earn a better income by them after they graduated. The study also focused on education returns to employment opportunities for students. Research hypothesis states that students involved in activities at the university will earn a better income based on empirical data obtained through a survey carried out by using purposive sampling. The data of the survey study involving 515 respondents who completed their studies in 2010 that involve various student Public Higher Education Institutions and the Private Higher Education Institutions in Malaysia, using survey methodology Theory of School Mincer see income differences among students involved in activities or not. The study*

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)  
"Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"  
Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

*found that there is a significant relationship between student engagement with employability among graduates, income earned by the respondents showed no significant differences among them too, this is because most of them do not have work experience and first entered the labor market. In addition, this study found a negative relationship between student engagement with the income received against the hypothesis.*

*Keywords: Return on education, Students Active, Payroll. Human Capital Theory, Model School Mince*

## PENGENALAN

Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dapat membantu pelajar meningkatkan kualiti modal manusia di samping kecemerlangan kurikulum, hari ini, pelajar yang telah menamatkan pendidikan diperingkat ketiga iaitu peringkat diploma, ijazah sarjana muda dan sarjana, menghadapi kesukaran untuk memperolehi pekerjaan sekiranya mereka yang tidak mempunyai latihan atau pengkhususan yang jelas. Pada masa kini, pelajar digalakkan mempunyai dua bidang kemahiran utama untuk membolehkan mereka lebih diterima dan bersaing di pasaran kerja. Oleh sebab itu, walaupun pelajar mempunyai sekeping sijil atau segulung ijazah, usaha untuk memahami dan memperolehi kemahiran tambahan yang lain merupakan kunci utama yang dapat menarik minat majikan memberi peluang pekerjaan kepada pelajar. Dua bidang kemahiran yang di maksudkan adalah kemahiran *hard skills* dan *soft skills*.

Kemahiran *Hard skill* merujuk kepada sijil kelayakan seperti Diploma, ijazah sarjana muda, Sarjana manakala *soft skills* merujuk kepada kemahiran tambahan yang lain seperti kemampuan pelajar berfikir tentang sesuatu perkara dan bagaimana untuk bertindak balas terhadap perkara tersebut, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi pelbagai bahasa, khususnya Bahasa Inggeris, aspek personaliti atau karakter dan cara mempersembahkan kemahiran yang ada, Kesemua contoh kemahiran ini amat penting dan merupakan kunci kearah kejayaan memperolehi pekerjaan. Semakin banyak kemahiran dan pengetahuan yang pelajar ada, maka semakin tinggilah peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan, khususnya di syarikat-syarikat yang besar dan mantap.

Selain itu, kemampuan pelajar untuk memenuhi kehendak pekerjaan bergantung pada banyak faktor. Antara yang terpenting ialah pendidikan dan latihan yang diterima dari institusi pendidikan tinggi. Jika pendidikan yang diterima seimbang dan sepadan dengan tuntutan pekerjaan, maka lazimnya tidak banyak masalah akan timbul. Namun, pencapaian dalam bidang akademik semata mata tidak boleh menjamin seseorang pelajar itu memperolehi pekerjaan Banyak lagi aspek lain yang dipentingkan oleh pihak majikan yang perlu diberi perhatian. Aspek tersebut termasuk sikap terhadap kerja dan pandangan hidup masa depan, penguasaan kemahiran asas yang terkini meliputi kemahiran dalam bidang ICT dan bahasa, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, disiplin diri, pengetahuan am, pendedahan kepada latihan serta bimbingan kerjaya dan lain-lain.

Kertas kajian ini, tertumpu kepada melihat sejauh mana penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum membantu mereka mendapat pendapatan yang lebih baik. Di samping mengukur tahap penglibatan pelajar memberikan kadar pulangan pendidikan kepada pelajar, selain itu, kajian ini juga ingin melihat kesan penglibatan pelajar kepada faktor jenis pekerjaan yang dilakukan mereka. Objektif lain dari kajian ini adalah melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan yang diterima pelajar, Perbezaan pendapatan antara jantina juga diberikan penekanan dalam kajian ini terutama dalam faktor penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.

Kajian ini memberikan sumbangan terhadap penentuan penglibatan pekerja dalam bidang kokurikulum semasa di zaman universiti dapat memberi kesan secara langsung kepada perbezaan pendapatan pekerja, Selain itu kertas kajian ini juga memberikan sumbangan terhadap kajian awal mengkaji kesan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum terhadap pendapatan yang diterima oleh pekerja.. Selain itu kajian ini dapat memberikan sumbangan ilmiah secara empirikal terhadap Teori Pulangan Modal Manusia terhadap pendidikan tetapi lebih kursus dalam pendidikan perkembangan modal insan ataupun *softskill*. Kajian ini juga melihat perbezaan jantina lelaki dan perempuan terhadap penglibatan mereka dalam kokurikulum dan perbezaan pendapatan yang diterima mereka semasa bekerja.

Kertas kerja ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu, bahagian pertama menyatakan tujuan dan matlamat kajian ini dibentuk diikuti dengan bahagian kedua dimana bahagian ini menerangkan kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengakaji terdahulu, Bahagian ketiga pula menerangkan Metodologi kajian yang telah dijalankan, kemudian bahagian seterusnya menerangkan

hasil dan data kajian yang diperolehi dan bahagian terakhir membuat rumusan dan kesimpulan daripada hasil kajian yang dijalankan.

## KAJIAN LEPAS

Salah satu daripada lima teras utama untuk mencapai Misi Nasional yang diungkapkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, semasa membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk '*minda kelas pertama*'. Kejayaan masa hadapan Negara bergantung kepada kualiti modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian (Prime Minister Department 2007). Penelitian pertalian antara pendidikan/latihan dan ekonomi semakin memuncak selepas perang dunia kedua terutamanya mencari penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi (Tsang 2000).

Terdapat banyak kajian terhadap pendidikan kerana pendidikan adalah satu pelaburan ekonomi yang baik kerana ia tidak mudah diperolehi dan dengan itu ia perlu diagihkan. Ekonomi menganggap pendidikan sebagai modal yang baik, kerana ia menawarkan utiliti (kepuasan) kepada pengguna dan juga berfungsi sebagai input untuk membangunkan sumber manusia yang diperlukan untuk transformasi ekonomi dan sosial. Tumpuan kepada pendidikan sebagai modal yang baik berkaitan dengan konsep modal insan, yang menekankan bahawa pembangunan kemahiran adalah faktor penting dalam aktiviti pengeluaran. Ia diterima secara meluas bahawa pendidikan mewujudkan rakyat yang lebih baik dan membantu untuk meningkatkan taraf hidup secara umum dalam masyarakat. Pelaburan semakin meningkat dalam pendidikan sebagai agen perubahan dalam kebanyakan negara membangun. Tekanan untuk mendapatkan pendidikan tinggi di negara membangun pasti telah dibantu oleh persepsi orang ramai terhadap ganjaran kewangan yang diperolehi selepas mereka mendapat pendidikan tinggi. Terdapat kepercayaan di Negara membangun bahawa memperluaskan peluang pendidikan adalah akses menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Kemakmuran ekonomi dan fungsi negara bergantung kepada saham modal fizikal dan manusia. Modal fizikal secara tradisinya menjadi tumpuan penyelidikan ekonomi, faktor-faktor yang memberi kesan kepada peningkatan kemahiran dan bakat manusia semakin digambarkan dalam penyelidikan sains sosial. Dari segi umum, modal insan merupakan pelaburan yang dibuat orang ramai dalam diri mereka yang meningkatkan produktiviti ekonomi mereka. Rangka kerja teori yang paling bertanggungjawab untuk menggunakan keseluruhan dasar pendidikan dan pembangunan yang akan datang dikenali sebagai teori modal insan.

Teori modal insan bergantung kepada andaian bahawa pendidikan formal adalah sangat penting dan diperlukan untuk meningkatkan keupayaan produktiviti penduduk. Pendek kata, teori modal insan menerangkan bahawa penduduk yang berpendidikan adalah penduduk yang lebih produktif. Teori modal insan menekankan bagaimana pendidikan meningkatkan produktiviti dan kecakapan pekerja dengan meningkatkan tahap pengeluaran keupayaan manusia secara produktif dari segi ekonomi, yang merupakan hasil daripada kebolehan semula jadi dan pelaburan dalam modal manusia. Menyediakan peluang pendidikan dilihat sebagai satu pelaburan dalam modal insan, yang dianggap penyokong teori pelaburan modal manusia iaitu pelaburan pendidikan lebih berbaloi daripada modal fizikal (Woodhall, 1997).

Teori Modal Insan membuat kesimpulan bahawa pelaburan dalam modal insan akan membawa kepada output ekonomi yang lebih besar namun kesahihan teori ini adalah kadang-kadang sukar untuk membuktikan dan bercanggah. Pada masa lalu, kekuatan ekonomi adalah bergantung kepada aset fizikal yang ketara seperti tanah, kilang dan peralatan. Buruh adalah satu komponen yang diperlukan, tetapi peningkatan dalam nilai perniagaan, datang dari pelaburan modal. Ekonomi moden seolah-olah bersetuju bahawa pendidikan dan penjagaan kesihatan adalah kunci untuk meningkatkan modal insan dan seterusnya meningkatkan output ekonomi negara (Becker 1993).

Fagerlind dan Saha (1997) menempatkan bahawa teori modal insan menyediakan justifikasi asas untuk perbelanjaan awam yang besar kepada pendidikan di negara membangun dan negara maju. Teori ini adalah selaras dengan ideologi demokrasi liberal dan perkembangan yang terdapat dalam kebanyakan masyarakat barat. Rayuan adalah berdasarkan kepada pulangan ekonomi yang diandaikan pelaburan dalam pendidikan di kedua-dua peringkat makro dan mikro. Usaha untuk menggalakkan pelaburan dalam modal insan yang dilihat menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi masyarakat. Bagi individu, pelaburan itu dilihat memberikan pulangan dalam bentuk kejayaan ekonomi individu dan pencapaian diri. Kebanyakan ahli ekonomi bersetuju bahawa sumber manusia negara, bukan modal serta sumber bahan, yang akhirnya menentukan sifat dan kadar pembangunan ekonomi dan sosial. Sumber manusia merupakan asas utama kekayaan negara. Modal dan sumber semula jadi adalah faktor pasif pengeluaran, manusia adalah agensi yang aktif mengumpul

modal, mengeksploitasi sumber semula jadi, membina organisasi sosial, ekonomi, dan politik, dan dibawa ke hadapan pembangunan negara.

Pembangunan manusia dilihat sebagai pembesaran keupayaan manusia, di mana strategi ini adalah untuk menggalakkan pelaburan dalam pembangunan rakyat melalui pendidikan, kemahiran, produktiviti kerja, dan kreativiti. Pembangunan yang terhasil daripada manusia, bersama-sama dengan modal fizikal dan semula jadi, berfungsi sebagai satu cara untuk menggalakkan pembangunan ekonomi. Isu itu adalah menentukan cara yang paling berkesan untuk menggunakan sekurang-kurangnya sumber untuk mewujudkan modal insan menerusi strategi pembangunan manusia. Modal insan yang mesti terlatih, berpendidikan, dan dibangunkan di dalam sistem organisasi bagi tujuan meningkatkan produktiviti organisasi melalui kepakaran tenaga kerja (Zidan, 2001). Selain itu Becker (1994), menunjukkan bahawa pendidikan adalah faktor penyumbang terbaik kepada perbezaan dalam pendapatan antara rakyat dalam keadaan tertentu.

Kegiatan kokurikulum dianggap sangat berkesan untuk memupuk keseimbangan perkembangan mental dan perkembangan rohani, jasmani dan sosial pelajar. Aktiviti-aktiviti kokurikulum memberi arah dan hala tuju kepada pelajar supaya menceburkan diri dalam kegiatan yang berfaedah. Aktiviti kokurikulum juga merupakan pendidikan yang tidak diajar didalam kelas, melalui aktiviti kokurikulum kita memberikan pelajar pendidikan bersifat rohani, kepimpinan, kerjasama berpasukan, keyakinan diri. Penglibatan dalam kegiatan ini, diharapkan dengan kemahiran-kemahiran yang dipelajari melalui aktiviti-aktiviti tersebut boleh memupuk gaya hidup (life style) yang sihat. Kegiatan kokurikulum juga dapat mengukuhkan interaksi antara pelajar dan sekaligus memupuk integrasi antara kaum di samping memupuk sifat kesopanan, berdikari, kerajinan bekerja, berdisiplin dan patuh kepada undang-undang yang boleh membentuk pelajar supaya menjadi warganegara yang berguna (Wee Eng Hoe, 1996). Berdasarkan pemerhatian didapati bahawa aktiviti-aktiviti kokurikulum berupaya membina kemahiran komunikasi dalam kalangan murid yang akan membantu mereka dalam dunia kerjaya kelak. Menerusi pengalaman yang diperolehi melalui aktiviti-aktiviti, membolehkan murid menyediakan diri bagi menghadapi tuntutan dalam bidang ekonomi, politik, tempat kerja dan suasana pasaran buruh yang kompleks. ini adalah salah satu latihan yang baik dan pendedahan kepada dunia pekerjaan.

Menurut Ruhaiza (2007), langkah kerajaan menggalakkan pelaksanaan dan penglibatan murid dalam kokurikulum merupakan satu langkah yang positif kerana generasi muda masa kini perlu mempunyai keselarian dalam akademik dan kokurikulum serta keterampilan sahsiah. Kebanyakan majikan kini lebih berminat pekerja yang mempunyai kebolehan berinteraksi, berketerampilan, berhemah tingi dan boleh bekerja secara berkumpulan. Justeru, murid di sekolah dan pelajar di Institut Pengajian Tinggi perlulah membina kemahiran komunikasi melalui kokurikulum bagi membantu dalam pembangunan potensi diri individu. Tambahan lagi, penglibatan dalam aktiviti ini berupaya meningkatkan tahap berdikari dan keyakinan diri di samping mengurangkan perasaan negatif seperti tekanan perasaan, kecelaruan dan kerunsingan. Mahoney (2005).

Kokurikulum merupakan saluran yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti murid (Adnan Kamis 1988). Aktiviti kokurikulum yang dirancang akan menyemarakkan minat murid terhadap mata pelajaran. Ia turut dapat menyuburkan potensi individu dalam lapangan tertentu untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berkehendakkan supaya bakat dan potensi dalam diri seseorang murid itu dipertingkatkan ke tahap yang maksimum. Pengalaman yang diperolehi menerusi aktiviti-aktiviti kokurikulum ialah perantaraan alam persekolahan dengan alam kehidupan masyarakat yang bermanfaat apabila mereka dewasa kelak. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga merupakan satu latihan dalam persediaan menghadapi dunia pekerjaan, oleh sebab itu, penglibatan dalam aktiviti memberi kesan terhadap pendapatan yang diterima oleh pekerja. Banyak kajian dijalankan lebih tertumpu pendidikan dan latihan kepada kemahiran memberi kesan kepada peluang pekerjaan dan pendapatan yang diterima pelajar, tetapi kajian terhadap latihan insaniah dapat memberi kesan kepada pendapatan terlalu sedikit, oleh sebab yang demikian kami merasakan melalui kajian ini dapat menambahkan lagi kajian ilmiah berkaitan latihan insaniah dapat memberi kesan terhadap pendapatan yang diperolehi.

## METODOLOGI KAJIAN

Model modal manusia yang dikembangkan oleh Schultz (1960,1961), Backer (1993, 1994) dan Mincer (1974) adalah berdasarkan pendekatan neoklasik, iaitu buruh di bayar mengikut nilai keluaran sut mereka. Jika semua pekerja sama dari segi daya keluaran, maka mereka akan menerima kadar upah yang sama. Perbezaan kadar upah dalam keadaan tanpa diskriminasi disebabkan perbezaan daya pengeluaran di kalangan individu. Daya pengeluaran dapat di tingkatkan melalui pelaburan dalam

bidang pendidikan, latihan sambil kerja dan modal manusia lain seperti kesihatan dan maklumat pasaran buruh.

Untuk menganalisis kadar penglibatan pelajar dalam, aktiviti kokurikulum, serta kadar pulangan terhadap pendidikan, pendekatan yang lazimnya digunakan ialah berdasarkan kepada Model Persekolahan Mincer. Model ini juga menunjukkan hubungan antara persekolahan, pendapatan dan pelaburan selepas sekolah dalam modal manusia. Dalam rangka kerja fungsi perolehan, kadar upah diandaikan bergantung kepada tahap persekolahan, latihan sambil kerja dan pengalaman.

Dalam kajian yang telah dijalankan kami telah membuat sedikit perubahan, di mana pengalaman pekerjaan digantikan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dimana melalui hal ini, kita dapat melihat pengalaman pelajar dalam aktiviti kokurikulum memberi kesan terhadap pendapatan yang diterima oleh pekerja.

### Persamaan Yang Digunakan Adalah,

$$\ln Y = \beta_0 + \beta_1 \text{ACTIVE} + \beta_2 \text{EDU} + \beta_3 \text{AGE} + \beta_4 \text{GEN} + \beta_5 \text{PLACE} + \beta_6 \text{SECTOR} + \beta_7 \text{RACE} + \mu \quad (1)$$

Di mana,

Y = Pendapatan Bulanan Individu

EDU = Tahap Pengajian

ACTIVE = Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum

AGE = Umur

GEN = Jantina Responden

PLACE = Tempat bekerja

SECTOR = Jenis Pekerjaan

RACE = Bangsa

$\mu$  = Ralat Rawak

selain itu, kajian pendapatan dikalangan jantina yang aktif di dalam aktiviti kokurikulum juga dilihat, melalui persamaan baru yang telah diterbitkan. Persamaan ini menerangkan pemboleh ubah bersandar pendapatan jantina dan pemboleh ubah tidak bersandar tahap pengajian jantina, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum jantina, umur jantina, tempat berkerja jantina, jenis pekerjaan jantina dan bangsa jantina, tetapi kajian utama yang dilakukan adalah melihat perbezaan pendapat yang diterima antara pekerja lelaki dan perempuan. Hal ini kerana kami ingin membuat perbezaan kesan pendapatan terhadap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum diantara responden lelaki dan responden perempuan, yang manakah mendapat kesan yang lebih baik.

### Persamaan Lelaki

$$\ln Y = \beta_0 + \beta_1 \text{ACTIVE}_L + \beta_2 \text{EDU}_L + \beta_3 \text{AGE}_L + \beta_4 \text{PLACE}_L + \beta_5 \text{SECTOR}_L + \beta_6 \text{RACE}_L + \mu \quad (2)$$

Di mana,

Y = Pendapatan Bulanan Individu lelaki

EDU = Tahap Pengajian Lelaki

ACTIVE = Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum lelaki

AGE = Umur lelaki

PLACE = tempat bekerja lelaki

SECTOR = Jenis Pekerjaan lelaki

RACE = Bangsa lelaki

STUDY = Kesesuaian Bidang lelaki

$\mu$  = Ralat rawak

### Persamaan Perempuan

$$\ln Y = \beta_0 + \beta_1 \text{ACTIVE}_P + \beta_2 \text{EDU}_P + \beta_3 \text{AGE}_P + \beta_4 \text{PLACE}_P + \beta_5 \text{SECTOR}_P + \beta_6 \text{RACE}_P + \mu \quad (3)$$

Dimana

Y = Pendapatan Bulanan Individu Perempuan  
 EDU = Tahap Pengajian Perempuan  
 ACTIVE= Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Perempuan  
 AGE= Umur Perempuan  
 PLACE = Tempat Bekerja Perempuan  
 SECTOR = Jenis Pekerjaan Perempuan  
 RACE = Bangsa Perempuan  
 $\mu$  = Ralat Rawak

Perbincangan berdasarkan data empirikal yang diperolehi melalui survei yang dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data kajian soalselidik yang dijalankan melibatkan 515 orang responden yang menamatkan ijazah pertama mereka selepas tahun 2010 yang melibatkan pelbagai siswazah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan juga Swasta di Malaysia, selain itu kajian ini meliputi Latar belakang kaum yang terlibat ialah kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. Bagi mencapai objektif kajian, pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dipilih di analisis menggunakan perisian program STATA 11 dan dianggarkan berdasarkan kepada kaedah Ordinary Least Squares (OLS).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1 hasil regresi bagi persamaan pertama kita dapat melihat bahawa nilai  $R^2$  adalah 0.0623 yang menunjukkan sebanyak 6.00 peratus variasi dalam pemboleh ubah bersandar iaitu Pendapatan dapat di terangkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar seperti, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, tahap pengajian, umur, tempat bekerja, jantina, jenis pekerjaan dan bangsa. Keseluruhan regresi ini menunjukkan hubungan yang signifikan apabila nilai F statistic lebih besar daripada aras keertian 5 peratus.

Pemboleh ubah tahap pengajian menunjukkan hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi pendapatan. Keputusan anggaran menunjukkan tambahan satu peratus tahap pengajian akan meningkatkan kadar pendapatan sebanyak RM376.8 Begitu juga bagi pemboleh ubah penglibatan aktif dengan Kokurikulum yang negatif tetapi hubungannya dengan pendapatan adalah signifikan ( $p=0.049$ ) Ini menunjukkan bahawa bagi setiap tambahan satu peratus penglibatan pelajar dalam kokurikulum dengan andaian faktor-faktor pemboleh ubah bersandar yang lain tetap dan tidak berubah menyebabkan kadar pendapatan akan berkurang sebanyak 119.89 peratus. Tanda negatif bagi penglibatan menunjukkan peningkatan pengalaman tidak menghasilkan tambahan pendapatan secara berterusan, sebaliknya ia tertakluk kepada hukum pulangan bertambah kurang. Pendapatan individu tidak meningkat berterusan mengikut peningkatan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, menyebabkan penurunan pendapatan dengan andaian pemboleh ubah tidak bersandar yang lain tidak berubah. Disebabkan oleh pelajar yang aktif dalam kokurikulum akan menyebabkan tumpuan dalam pelajaran mereka sedikit berkurangan dan kurang memberi tumpuan dalam pelajaran, hal ini kerana mereka meluangkan banyak masa beraktiviti berbanding mengulangkaji pelajaran. Hal ini menyebabkan mereka menamatkan pengajian dengan gred markah yang sederhana. Oleh sebab itu majikan kurang berminat untuk memberi gaji taupun pendapatan yang lebih kepada pekerjanya. Majikan kebiasaannya menilai kualiti seseorang pekerja itu bergantung pada tahap pendidikan berbanding pengalaman, terutama bagi mengambil pekerja baru.

Persamaan kedua dan ketiga menunjukkan perbezaan terhadap pendapatan yang diterima oleh pekerja lelaki dan pekerja perempuan yang aktif terlibat dalam aktiviti kokurikulum semasa belajar. Respondan lelaki terdiri daripada 231 orang ataupun sebanyak 45 peratus, dan 284 orang responden dan perempuan atau sebanyak 55 peratus daripada responden kajian. Daripada hasil kajian persamaan kedua dan ketiga iaitu melihat jumlah pendapatan yang diterima oleh responden lelaki dan responden perempuan terhadap pemboleh ubah tidak bersandar dalam persamaan. Dalam jadual 2 dan jadual 3 di dapati bahawa hubungan diantara pendapatan dengan tahap pengajian responden lelaki tidak signifikan kerana nilai  $P=0.092$  lebih besar daripada  $p=0.05$  berbanding dengan responden perempuan kerana hubungan pendapatan dengan tahap pengajian responden perempuan adalah signifikan kerana nilai  $P=0.001$  lebih rendah daripada nilai  $p=0.05$ . selain itu peningkatan satu peratus tahap pengajian bagi responden lelaki menyebabkan peningkatan sebanyak 263 peratus kepada pendapatan responden lelaki, manakala bagi responden perempuan pula, peningkatan satu peratus tahap pengajian menyebabkan pendapatan mereka meningkat sebanyak 477 peratus. Melalui kajian ini kami dapat melihat peningkatan tahap pengajian responden perempuan lebih tinggi berbanding responden lelaki. Hal ini

disebabkan kebanyakan golongan wanita memiliki tahap pengajian yang lebih baik dan mereka ditawarkan pendapatan yang lebih tinggi berbanding responden lelaki.

Penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum antara pelajar lelaki dan perempuan dapat dilihat melalui pembolehubah tidak bersandar penglibatan dalam kokurikulum dengan pembolehubah bersandar pendapatan. Kajian ini menunjukkan ,apabila satu peratus penglibatan pelajar lelaki dalam kokurikulum meningkat menyebabkan pendapatan akan menurun sebanyak 83.81 peratus daripada pendapatan asal, bagi pelajar perempuan pula, kenaikan satu peratus penglibatan pelajar perempuan menyebabkan pendapatan menurun sebanyak 150 peratus iaitu separuh daripada pendapatan yang diterima. Hal ini menunjukkan responden perempuan yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum akan menyebabkan penurunan pendapatan mereka lebih banyak berbanding responden lelaki. Secara tidak langsung kita dapat melihat hubungan negatif diantara pendapatan yang diperolehi dengan penglibatan dalam aktiviti. Penurunan pendapatan responden perempuan lebih banyak disebabkan persaingan wanita dalam mencari pekerjaan lebih tinggi berbanding lelaki menyebabkan majikan hanya mengambil pekerja yang betul-betul berkualiti sahaja, hal ini berkemungkinan disebabkan faktor penglibatan dalam aktiviti kokurikulum memberi kesan yang tidak baik kepada tahap akademik pelajar. Melalui ujian  $R^2$  yang di jalankan kita dapat melihat hubungan antara pendapatan responden lelaki dan perempuan terhadap pembolehubah tidak bersandar yang lain. Melalui persamaan dua dimana didapati nilai  $R^2$  0.0642 ataupun 6 peratus variasi dalam pembolehubah bersandar bagi responden lelaki berbanding persamaan tiga yang menerangkan bahawa variasi diantara pembolehubah pendapatan dan pembolehubah tidak bersandar adalah sebanyak 0.0778 ataupun 8 peratus. Keseluruhan regresi bagi responden lelaki dan perempuan ini menunjukkan hubungan yang signifikan apabila nilai F statistic lebih besar daripada aras keertian 5 peratus.

Umur purata bagi responden adalah berumur sekitar 25 tahun, hal ini kerana kebanyakan responden adalah mereka yang baru menamat kan pengajian serta baru mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian. Gaji purata yang diterima oleh responden adalah sebanyak RM2264 sebulan, menunjukkan gaji purata bagi pelajar yang memiliki sekurang-kurangnya tahap pendidikan diploma sehinggalah tahap doktor falsafah. Sebanyak 214 orang responden ataupun 42 peratus berasal dari kawasan luar Bandar dan 301 orang responden atau 58 peratus berasal dari kawasan Bandar. Dalam kajian ini, kami mendapat responden yang menjawab soal selidik terdiri daripada 334 orang bangsa Melayu, 73 orang bangsa Cina, 82 orang india dan 26 oarang bangsa lain.

Dalam ketiga-tiga model kajian yang dibuat kita dapat melihat bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum akan menyebabkan pendapatan mereka akan menurun apabila mereka terlibat dengan aktiviti kokurikulum. Hal ini menyebabkan teori modal manusia terhadap pendidikan dan kadar pulangan pendidikan bersifat negatif. Hal ini, berlawanan dengan teori modal manusia yang menyatakan penglibatan responden terhadap bidang kokurikulum akan menyebabkan pendapatan akan lebih meningkat.

## KESIMPULAN

Daripada hasil kajian di dapati bahawa penglibatan dalam aktiviti kokurikulum memberikan kesan negatif terhadap pendapatan yang diterima oleh pelajar, ianya tidak seperti yang di jangkakan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum memberikan kesan positif terhadap pendapatan pekerja. Hai ini berkemungkinan bahawa majikan tidak memberi pendapatan berdasarkan kepada pengalaman ataupun penglibatan pelajar dalam kokurikulum, tetapi lebih berdasarkan tahap kelayakkan akademik ataupun *hardskill*. Kita dapat melihat tahap pendidikan memberikan kesan positif terhadap pendapatan, hal ini menunjukkan majikan memberikan tumpuan yang lebih kepada tahap pendidikan ataupun kemahiran yang dimiliki oleh pekerja berbanding dengan penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum.

## RUJUKAN

- Abd Hair Awang, and Rahmah Ismail, and Zulridah Mohd Noor, and Salma Hamzah, (2010) *Impak program latihan pekerja sektor perhotelan, teknologi maklumat dan komunikasi*. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 5 (1). pp. 11-25.
- Abd Hair Awang. (2004). Keberkesanan kebolehpasaran pelatih dalam industri latihan vokasional terpilih. *Tesis PhD*. Universiti Putra Malaysia.
- Adnan Kamis (1988): Nilai-Nilai Murni dalam Aktiviti Kokurikulum Pergerakan Beruniform Ke Arah Menghasilkan Insan yang Mantap lagi Seimbang Menurut Falsafah KBSM. Kertas kerja

Seminar Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi

Ayeni, O. (2003). *Relationship between Training and Employment of Technical College Graduates in Oyo State between 1998 and 2001*. Unpublished PhD Thesis. University of Ibadan, Ibadan.

Becker, G. (1993). Investment in human capital: A theoretical analysis. *Journal of Political Economy*, 70(5), 9-49.

Becker. G. (1994) *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis With Special Reference to Education*. Chicago: The University of Chicago Press.

Fagerlind, A. & Saha, L.J. (1997). *Education and national developments*. New Delhi, Reed Educational and Professional Publishers Ltd.

Hamedah Wok Awang & Normah Teh (2009): *Sekolah sebagai Pembangun Modal Insan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Janet B. Parks and Beverly R.K Zanger. (1990) Champaign: human kinetics books, London: Routledge.

Mahoney, R.W; Larson, R.W., Eccles, J.S. & Lord, H. (2005): *Organized activities as contexts of development: Extracurricular activities, after-school and community programs*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Mincer, J.(1974) *schooling, Experience and Earning*, National Bureau of Economic Research, New York.NY

Prime Minister’s Department. (2007). *Datuk Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi Speech at the Mid-Term Review Ninth Malaysia Plan 2006-2010*, Putrajaya: Prime Minister’s Department.

Psacharopoulos, G. & Woodhall, M. (1997). *Education for Development: An Analysis of Investment Choice*. New York: Oxford University Press.

Ruhaiza Rusmin (2007): *Kokurikulum Bendung Gejala Sosial*. Kuala Lumpur: New Strait Time Press (M) Bhd.

Tsang, M.C. (2000). *The economics and resources of education*. Dalam *Rutledge international companion to education*, Moon, B. Brown & Ben Perez. M (eds).

Wee Eng Hoe. (1994). *Organisasi dan pentadbiran sukan dan pendidikan jasmani*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Zidan, S.S. (2001). The role of HRD in economic development. *Human Resources Development Quarterly*, 12(4), 437.

JADUAL 1 : Regresi ke atas keseluruhan pembolehubah terhadap pendapatan

WAGE	Coefficients (Std. Err)	P> t  [95% Conf. Interval]
ACTIVE	-119.8904 (60.81067)	0.049
EDU	376.7625 ( 107.0378 )	0.000
AGE	25.30635 ( 20.23522)	0.212
GEN	-67.29278 (57.68346)	0.244
PLACE	67.21679 ( 58.16381)	0.248
SECTOR	-.5903844 (31.15451)	0.773
RACE	-.5903844 ( 31.15451)	0.985
_cons	1104.151 ( 464.5379)	0.018
R <sup>2</sup>	0.0623	

Sumber : soal selidik kadar pengangguran 2013



JADUAL 2 : Regresi ke atas keseluruhan pembolehubah terhadap pendapatan bagi lelaki

WAGE	Coefficients (Std. Err)	P> t  [95% Conf. Interval]
ACTIVE	-83.81932 (92.74539)	0.367
EDU	263.9536 (156.2069)	0.092
AGE	42.66014 (29.83586)	0.154
PLACE	65.60077 (88.93389)	0.462
SECTOR	-169.2273 (96.15843)	0.080
RACE	-25.49564 (47.69893)	0.594
_cons	1089.341 (696.881)	0.119
R <sup>2</sup>	0.0642	

Sumber : soal selidik kadar pengangguran 2013

JADUAL 3 : Regresi ke atas keseluruhan pembolehubah terhadap pendapatan bagi perempuan

WAGE	Coefficients (Std. Err)	P> t  [95% Conf. Interval]
ACTIVE	-150.5414 ( 80.66726)	0.063
EDU	477.1743 ( 147.5732)	0.001
AGE	7.511445 ( 27.7331)	0.787
PLACE	75.56071 ( 76.9875)	0.327
SECTOR	85.48013 (76.62865)	0.266
RACE	19.67036 (41.26917)	0.634
_cons	1035.276 (598.5329)	0.085
R <sup>2</sup>	0.0778	

Sumber : soal selidik kadar pengangguran 2013

JADUAL 4: Statistik deskriptif pemboleh ubah kajian

Variable	Obs	Mean	Std. Dev	Min	Max
WAGE	515	2263.634	662.5967	0	5000
ACTIVE	515	1.343689	0.4754007	1	2
SECTOR	515	1.712621	0.4821078	1	3
STUDY	515	1.314563	0.5238305	1	5
PLACE	515	1.584466	0.493293	1	2
EDU	515	1.931907	0.3202604	1	4
RACE	515	1.61165	0.9276661	1	4
AGE	515	24.55728	1.713451	20	30

Sumber : soal selidik kadar pengangguran 2013